



03 MAY, 2024

Pawagam komuniti 10Star Cinemas rangsang industri filem Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Pawagam komuniti 10Star Cinemas rangsang industri filem Sabah

PAPAR: Pembukaan pawagam komuniti 10Star Cinemas di Parklane City di sini memberi peluang kepada penggiat industri perfileman tempatan di Sabah untuk menghasilkan dan menerbitkan lebih banyak filem berkualiti sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan.

Ketua Pegawai Eksekutif 10Star Cinemas Onn Norshal Hamzah berkata 10Star bukan hanya sebagai syarikat tayangan filem tetapi juga mengedarkan filem tempatan Sabah antaranya *Namatai* yang telah ditayangkan dan *Sinakagon* yang bakal ditayangkan bulan depan.

“Apabila kita buka pawagam di Sabah dan pasaran di Sabah sebagai contoh

Namatai boleh mencecah sehingga ratus ribu (ringgit) kutipan, kita percaya ia akan mendapat sambutan,” katanya.

Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin bersama isteri Toh Puan Norlidah RM Jasni menyempurnakan perasmian itu yang turut dihadiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali yang juga Ahli Parlimen Papar.

Onn Norshal berkata pihaknya memilih Papar kerana kedudukan daerah itu sebagai bandar satelit yang menjadi laluan utama dan persinggahan penduduk dari daerah-daerah di Selatan dan Utara Sabah. -Bernama



03 MAY, 2024

Pawagam komuniti 10Star Cinemas rangsang industri filem Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PAPAR: Pembukaan pawagam komuniti 10Star Cinemas di Parklane City di sini memberi peluang kepada penggiat industri perfileman tempatan di Sabah untuk menghasilkan dan menerbitkan lebih banyak filem berkualiti sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan. Ketua Pegawai Eksekutif 10Star Cinemas Onn Norshal Hamzah berkata 10Star bukan hanya sebagai syarikat tayangan filem tetapi juga mengedarkan filem tempatan Sabah antaranya Namatai yang telah ditayangkan dan Sinakagon yang bakal ditayangkan bulan depan.